

20 OCT 1996

Pokok

MALAYSIA PERLU SAHUT CABARAN HIJAUKAN BUMI, LAW

MELAKA, 20 Okt (Bernama) -- Sejumlah 19 juta pokok baru akan dapat ditanam jika setiap rakyat Malaysia menanam sebatang pokok setiap seorang bagi menyokong projek "Menghijaukan Negara", kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

Jumlah pokok baru yang ditanam di seluruh negara akan bertambah tahun demi tahun jika penanaman pokok dijadikan amalan rakyat, katanya semasa merasmikan projek "Menghijaukan Negara" sempena Minggu Alam Sekitar Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kumpulan Penanam Pokok, sebuah kumpulan pencinta alam di Taman Tasek Ayer Keroh di sini hari ini.

Law berkata cabaran kepada rakyat negara ini supaya menjadikan penanaman pokok sebagai amalan bertepatan dan selaras dengan pelancaran "Initiative for the Greening of the World" yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang melancarkan inisiatif itu sempena Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada 1992 lalu telah menyeru semua negara dunia berganding bahu memastikan kehijauan bumi mencapai tahap 30 peratus menjelang abad ke-21.

"Inisiatif itu sudah pastinya lebih bermakna apabila ia dimulakan dari tempat kita sendiri," kata Law.

Menurutnya menghijaukan negara adalah tanggungjawab bersama yang harus dilakukan secara positif, konkrit dan berwawasan.

"Usaha menyelamatkan hutan daripada kemusnahan atau penerokaan secara berlebihan perlu disusuli dengan usaha melipatgandakan program-program penghijauan."

Beliau berkata projek yang dianjurkan oleh Kumpulan Penanam Pokok itu adalah inisiatif yang membanggakan dan harus dicontohi dan disokong oleh semua lapisan masyarakat.

Antara kegiatan yang akan dijalankan oleh Kumpulan Penanam Pokok ialah mendapatkan sumbangan orang ramai bagi menaja penanaman pokok.--BERNAMA

MOZ MAI